





SEMINAR KEBANGSAAN
ADAT PEPATIH &
WILAYAH BUDAHA
NEGERI SEMBILAN

3 - 5 MEI 1984

DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.

Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan.



Anjuran Bersama:

Universiti Pertanian Malaysia,
Kerajaan Negeri Sembilan, dan
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan, Malaysia.

ADAT DAN PERKEMBANGAN POLITIK: PEMBANGUNAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN

oleh

Profesor Khoo Kay Kim

Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan terkenal sebagai negeri Melayu yang berbeza dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu kerana sebilangan besar penduduknya mengamalkan Adat Perpatih. Sebagai suatu sistem sosial Adat Perpatih telah banyak mendapat perhatian daripada para sarjana. Kesannya ke atas sistem politik Negeri Sembilan tidak begitu jelas kepada umum.

Terdapat dua unsur yang penting dalam sistem politik Negeri Sembilan pada masa dahulu: pertama kawasan dan kedua kekeluargaan. Manifestasinya adalah pembahagian masyarakat bukan hanya kepada dua belas suku tetapi juga kepada beberapa luak (sepatutnya sembilan maka kerajaan diberi nama 'Negeri Sembilan').

Sistem ketua dari segi organisasi sosial, sebagaimana diketahui umum, berasaskan hubungan kekeluargaan: anak buah melantik buapak; buapak melantik lembaga dan lembaga melantik Datuk Penghulu. Buapak dan lembaga bukan ketua kawasan tetapi ketua perut dan suku; Datuk Penghulu, walaupun dilantik oleh lembaga, adalah ketua luak (kawasan).

Kemudian empat orang daripada Datuk Penghulu (iaitu Datuk Penghulu Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol) melantik Yang di-Pertuan Besar. Dari buapak sehingga Datuk Penghulu, walaupun setiap orang di setiap peringkat itu dilantik, penggantian adalah secara matrilineal. Penggantian di peringkat tertinggi pula adalah secara patrilineal.

Negeri Sembilan, sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat, muncul akibat suatu proses politik yang agak kompleks. Sejauh yang dapat dipastikan penghijrahan orang Minangkabau ke kawasan yang dikenali sebagai Negeri Sembilan sekarang mulai berlaku sejak awal-awal lagi, iaitu tidak lewat daripada masa munculnya Kerajaan Melaka. Sepanjang kurun ke-15, sehingga masa Melaka ditakluki oleh kuasa Portugis, kawasan-kawasan yang menjadi kediaman orang Minangkabau itu menjadi jajahan takluk Melaka. Selepas tahun 1511, apabila kerabat diraja Melaka berpindah ke Johor, kawasan-kawasan Negeri Sembilan pula patuh kepada Kerajaan Johor sehingga penghujung kurun ke-17.

Pada tahun 1673, Johor Lama telah dimusnahkan oleh Jambi. Walaupun itu hanya merupakan suatu kemusnahan fizikal kerana kerajaannya tetap hidup, kawalan kerajaan Johor ke atas jajahan takluknya telah menjadi longgar. Ini membolehkan beberapa kawasan untuk menegakkan kebebasan masing-masing.

Pada tahun 1677, Rembau, Sungai Ujong dan Naning telah bersepakat dan menjemput seorang putera - Raja Ibrahim - dari Pagar Ruyong untuk memerintah di kawasan orang Minangkabau di Semenanjung. Di bawah kepimpinan Raja Ibrahim, kekuatan orang Minangkabau mulai membandingkan Johor dan juga Belanda di Melaka. Tetapi keadaan politik zaman itu tidak mudah dikawal oleh Raja Ibrahim. Orang Rembau sendiri enggan melibatkan diri bila Raja Ibrahim bertujuan berperang dengan kuasa Belanda. Pada tahun 1680, Raja Ibrahim telah dibunuh oleh seorang Bugis di Rembau. Percubaan orang Minangkabau untuk mewujudkan sebuah kerajaan berdaulat tamat buat sementara.¹

Sejarah kawasan Negeri Sembilan selanjutnya tidak begitu jelas. Hanya ada bukti menunjukkan orang Minangkabau di kawasan Negeri Sembilan cuba mengelakkan keterlibatan dalam kekacauan yang

berlaku di antara orang Bugis di Johor dan orang Siak. Kekacauan itu timbul akibat pembunuhan Sultan Mahmud Johor pada tahun 1699 (Marhum mangkat dijulung). Bendahara Abdul Jalil yang menaiki takhta kemudian dicabar oleh Raja Kecil yang berasal dari Siak dan menuntut diri sendiri putera Sultan Mahmud. Sultan Abdul Jalil pula selanjutnya dibunuh (pada tahun 1721) dan Raja Kecil memerintah Johor tetapi dicabar oleh Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil. Dalam pada itu orang Bugis dijemput membantu Raja Sulaiman. Keadaan di Johor menjadi kucar kacir.

Sumber-sumber Belanda menunjukkan Raja Melewar berada di Rembau pada tahun 1727; beliau dikenali sebagai pemerintah Rembau.² Ini jauh berbeza dengan tradisi lisan Negeri Sembilan yang menuntut bahawa Raja Melewar adalah pemerintah pertama Negeri Sembilan dan beliau mula memerintah Negeri Sembilan pada tahun 1773. Tetapi tidak mustahil Raja Melewar merupakan putera Pagar Duyong yang mengasaskan 'Negeri Sembilan'. Kali pertama 'Negeri Sembilan', itu disebutkan secara rasmi, menurut tulisan R.O. Winstedt, ialah dalam Perjanjian bertarikh 11 November 1759 yang ditandatangani di antara David Bulen, Gabenor Melaka, dengan Raja Muda Daing Kemboja dari Linggi, Raja Tua Kelang dan ketua-ketua negeri sembilan Rembau (Rembau and its nine countries).³ Dalam Perjanjian itu tiada tandatangan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Besar kemungkinan Raja Melewar telah mangkat pada ketika itu, tetapi tidak diketahui siapakah yang menggantinya atau sama ada Negeri Sembilan mempunyai seorang Yang di-Pertuan Besar pada tahun 1759. Juga masih kabur ialah negeri-negeri mana yang mula-mula terkandung di dalam unit politik 'Rembau dan negeri sembilanannya'.

Sejarah Negeri Sembilan hanya menjadi lebih jelas mulai awal kurun ke-19. Pada masa itu ternampak telah menjadi suatu kebiasaan bagi seorang putera dari Pagar Ruyong dijemput untuk memerintah Negeri Sembilan setelah Yang di-Pertuan Besar mangkat. Jika sekiranya benar Raja Melewar adalah Yang di-Pertuan Besar pertama, pada masa Yamtuan Tuan Besar Raja Lenggang Laut mangkat pada tahun 1824, Negeri Sembilan telah diperintah berturut-turut oleh putera dari Pagar Ruyong selama lebih kurang satu abad kerana telah ada bukti bahawa Raja Melewar berada di Negeri Sembilan tidak lewat daripada tahun 1727.

Satu abad adalah masa yang cukup lama untuk mewujudkan suatu golongan anak raja-raja tempatan iaitu yang lahir di Negeri Sembilan sendiri. Sesungguhnya sejarah Negeri Sembilan sepanjang 1820an dan 1830an menunjukkan bahawa amalan menjemput putera dari Pagar Ruyong sudah mulai dicabar oleh anak raja tempatan. Di samping itu persaingan merebut kuasa di kalangan anak raja-raja tempatan menjadi semakin hebat. Pada tahun 1832, Raja Labu, Yamtuan Besar yang berasal dari Pagar Ruyong, telah diusir oleh anak raja-raja tempatan; dengan itu berakhir lah adat menjemput Yamtuan Besar dari Pagar Ruyong.⁴

Pada masa Negeri Sembilan diasaskan - tarikhnya tidak diketahui - yang jelas ialah Yang di-Pertuan dikatakan:

... tiada mempunyai negeri dan tiada boleh menchukai kharajat, melainkan berkeadilan sahaja serta permakanannya duit sa-suku, beras dua gantang, nyior sa-tali.⁵

Berbanding dengan Raja-raja di negeri-negeri Melayu lain, Yang di-Pertuan Besar di Negeri Sembilan sepatutnya tidak berkuasa; beliau hanya berfungsi sebagai simbol keutuhan dan keadilan. Kuasa politik sebenarnya terserah kepada Penghulu Berlantik (iaitu Datuk Penghulu yang melantik Yamtuan Besar, sekarang lebih biasa dikenali sebagai

Datuk Undang).

Tetapi ideal itu telah pun dicabar pada awal kurun ke-19. Persaingan yang mengakibatkan Raja Labu diusir dan rebutan kuasa yang berlaku selanjutnya adalah manifestasi ketidakpuasan hati anak raja-raja tempatan tentang kedudukan mereka mengikut adat yang selanjutnya mengakibatkan usaha-usaha untuk merebut kuasa yang sebenarnya. Persaingan politik telah melahirkan dua institusi baru iaitu Yamtuan Muda Rembau dan Yamtuan Muda Jelebu.⁶

Persaingan ini bukan hanya berlaku di kalangan anak raja-raja sendiri kerana takhta tidak menjamin kuasa, tetapi sebagaimana telah disebutkan, menurut tradisi, kuasa politik terserah kepada Penghulu Berlantik. Maka persaingan di antara anak raja-raja dengan para Datuk Penghulu tidak dapat dielakkan bila anak raja-raja cuba merebut kuasa.

Kalau dibandingkan sejarah Negeri Sembilan di antara 1820an-1860an dengan sejarah negeri-negeri Melayu lain pada tempoh yang sama, ternampak bahawa banyak persamaan wujud. Yang sama bukanlah organisasi atau struktur sosial; yang sama adalah power politics. Di negeri-negeri Melayu lain, penggantian merupakan suatu masalah yang rumit. Sistem tradisional membenarkan mereka yang dianggap waris bersaing untuk merebut takhta. Yang dianggap waris pula biasanya terdiri daripada ramai calon - selain daripada putera Raja yang baru mangkat, termasuk juga sanak saudaranya seperti bapa saudara, anak saudara, sepupu dan, kadang-kadang, menantu juga.⁷

Keadaan di Negeri Sembilan sebenarnya jauh lebih kompleks kerana berbanding dengan negeri-negeri lain, dari segi strukturnya, Negeri Sembilan bukan sebuah kerajaan unitary. Setiap luak mempunyai kuasa autonomi yang besar. Bahkan pernah dituntut bahawa Negeri

Sembilan sesungguhnya merupakan suatu 'persekutuan'. Sama ada ini benar atau tidak bukan soal yang mustahak; memadai kalau dikatakan bahawa struktur politiknya mengakibatkan keadaan di mana persaingan berlaku bukan hanya di peringkat alam (negeri keseluruhannya) tetapi juga di peringkat luak (jajahan).

Sebagai permulaannya telah diikhtiarkan supaya politik di Negeri Sembilan seharusnya berasaskan muafakat:

Bulat anak buah menjadi buapak,
 Bulat buapak menjadi lembaga,
 Bulat lembaga menjadi penghulu,
 Bulat penghulu menjadi Raja.

Pada praktiknya muafakat (sebulat suara) amat sukar dicapai. Dari segi politik, Adat Perpatih tidak mendatangkan apa-apa keistimewaan kepada Negeri Sembilan; maksudnya ia tidak berdaya menghapuskan konflik.

Ada Perpatih juga tidak menjadikan Negeri Sembilan lebih resilient pada waktu perkembangan ekonomi berlaku pada pertengahan kurun ke-19. Pembukaan lombong di Sungai Ujong sebagaimana di Larut dan Lembah Kelang membuka peluang untuk pembesar tempatan menambahkan pendapatan masing-masing jika sekiranya seseorang itu berkuasa di tempat yang mengalami perkembangan ekonomi. Maka pada pertengahan kurun ke-19 berlakulah pergelutan di Negeri Sembilan untuk mengawal satu-satu kawasan yang produktif atau kawasan-kawasan di sepanjang Sungai Linggi yang menghubungkan lombong Sungai Ujong dengan pelabuhan Melaka. Perang berulang kali berlaku di sepanjang Sungai Linggi sehingga eksport dan import tergendala, yang banyak menanggung kerugian ialah saudagar-saudagar di Melaka yang telah melaburkan modal untuk memajukan perlombongan bijih timah.⁸

Keadaan semakin merosot di Negeri Sembilan. Pada tahun 1869, Yamtuan Besar Raja Ujong mangkat. Persaingan untuk merebut kuasa menjadi begitu hebat sehingga Sungai Ujong, Rembau dan Jelebu masing-masing memencilkan diri daripada kerajaan pusat. Setiap luak itu menegakkan kebebasannya maka pada peringkat itu bubarlah Negeri Sembilan.⁹ Pembubaran tidak juga mendatangkan keamanan di tiap-tiap luak. Keadaan di Sungai Ujong dan Rembau misalnya tetap merunsingkan pihak British yang, pada awal 1870an, mulai memberi perhatian yang semakin berat kepada negeri-negeri Melayu sehingga langkah diambil untuk menguasai pentadbiran negeri-negeri Melayu pada 1874-1875. Sungai Ujong menerima Penolong Residen British pada tahun 1875.

Mulai pertengahan 1870an, 'Negeri Sembilan' tidak bebas lagi. Walau pun pentadbiran British pada waktu itu hanya diwujudkan di Sungai Ujong, pihak British sentiasa mencari ikhtiar untuk mempengaruhi negeri-negeri Melayu. Pernah difikirkan tentang kemungkinan Maharaja Abu Bakar digunakan untuk mendamaikan Negeri Sembilan.¹⁰ Akhirnya bila British mengambil keputusan untuk mewujudkan suatu Persekutuan yang melibatkan Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, pihak British telah juga menyatukan kembali Negeri Sembilan.¹¹

Campurtangan British tidak secara radikal mengubah amalan tradisional. Sistem perlantikan di Negeri Sembilan, misalnya, dikekalkan bukan hanya di setiap luak tetapi juga bagi mengisi jawatan Yang di-Pertuan Besar. Tetapi di samping itu British telah dengan cara yang halus memperkenalkan pindaan-pindaan kepada sistem tradisional.

Terutama sekali selepas campurtangan di Sungai Ujong, pihak British mengambil keputusan mengiktiraf Tengku Antah sebagai Yamtuan Besar tetapi pada tahap itu baginda memerintah hanya di Sri Menanti

dan jajahan takluknya (tidak termasuk misalnya Sungai Ujong dan Rembau). Yang kedua, pihak British mewujudkan kawalan pusat yang agak ketat dengan segala paraphernalianya seperti polis untuk menghalang kemungkinan berlakunya persaingan politik yang boleh mengakibatkan pertempuran. British telah juga mencipta satu institusi baru iaitu Tengku Besar Tampin.

Menggalurkan sejarah Negeri Sembilan dari awal terlihat tujuan asal pengasas kerajaan itu terpaksa diubahsesuai beberapa kali - mula-mula untuk memenuhi kehendak-kehendak anak raja-raja tempatan yang tidak puas hati dengan sistem menjemput putera dari Pagar Ruyong untuk memerintah Negeri Sembilan; kemudian dilonggarkan 'perlembagaan' supaya anak raja-raja dapat menikmati kuasa yang lebih konkrit. Tetapi segal tolak-ansur tidak juga mengakibatkan kestabilan; akhirnya Negeri Sembilan berpecah pada tahun 1869.

Perkembangan Negeri Sembilan sebagai suatu unit politik berjalan dengan lebih lancar hanya selepas ia disatukan kembali pada tahun 1898. Seperti negeri-negeri Melayu lain juga, soal penggantian tidak lagi menjadi potensi untuk berlakunya perang saudara walau pun unsur persaingan tidak dapat dihapuskan sama sekali. Tetapi persaingan dengan sendirinya tidak semestinya merupakan sesuatu yang abnormal dalam perjalanan sebarang sistem politik.

Agak ironis juga pembangunan masyarakat Negeri Sembilan hanya mulai menjadi suatu realiti setelah diperkenalkan unsur-unsur baru kepada sistem Adat Perpatih yang walau pun mempunyai ideal yang mulia kurang berjaya menjamin kestabilan pada amalannya.

Pada zaman sekarang juga pola dan ciri politik Negeri Sembilan tidak dapat dikatakan berbeza dengan apa yang wujud di negeri-negeri Semenanjung lain. Dalam sistem sosial, pengaruh dan kesan Adat Perpatih amatlah mustahak; tetapi dalam sistem politik ia tidak dapat mewujudkan suatu gaya atau keperibadian yang tersendiri.

CATATAN

1. Lihat Leonard Y. Andaya, The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments, Kuala Lumpur, 1975, hlm.109-114.
2. Ibid., hlm.310-311.
3. R.O. Winstedt, "History of Negeri Sembilan: The History, Polity and Beliefs of the Nine States", JMBRAS, Vol.XII, Pt.3, 1934, hlm.57.
4. Lihat Khoo Kay Kim, The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics, Kuala Lumpur, 1972, hlm.42-44.
5. D.F.A. Hervey, "Rembau", JSBRAS, No.13, 1884, hlm.248.
6. Kedua-dua institusi itu lenyap setelah British campurtangan di Negeri Sembilan.
7. Pada tahun 1857, Raja Abdul Samad menggantikan Sultan Muhammad sebagai Yang di-Pertuan Selangor. Sultan Abdul Samad adalah anak saudara dan menantu Sultan Muhammad.
8. Lihat Khoo Kay Kim, op.cit., hlm.118-124.
9. Ibid., hlm.148.
10. Eunice Thio, British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910: The Southern and Central States, Vol.I, Kuala Lumpur, 1969, hlm. xxiv-xxv.
11. Ibid., hlm.59.